

# HARAPAN BAHARU PESAKIT BARAH

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin  
asyikin.mat@hmetro.com.my


Linac sistem canggih bekal dos radiasi tepat, selamat untuk sasarkan tumor sukar dicapai

**KPJ** Damansara Specialist Hospital, Petaling Jaya melancarkan sebuah sistem radioterapi terkini untuk rawatan barah iaitu 'Elekta Versa HD Linear Accelerator' (Linac).

Ia sebuah sistem canggih membekalkan dos radiasi tepat dengan selamat untuk menyasarkan tumor yang sukar dicapai atau terletak berdekatan organ penting.

Pakar Runding Klinikal dan Pakar Onkologi Radiasinya Dr Aminudin Rahman Mohd Mydin berkata, pelancaran sistem radioterapi terkini ini juga bermatlamatkan membawa teknologi terkini dan paling canggih untuk penyediaan khidmat perubatan kepada pesakit.


"Rawatan barah kini beralih daripada pengurusan penyakit yang membawa maut kepada pengurusan penyakit kronik yang memerlukan rawatan lebih pantas, menjimatkan kos dan selamat bagi semua pesakit.



“Sistem radioterapi terkini ini memberikan harapan baharu, menyediakan kemudahan rawatan pemulihan dan kualiti kehidupan lebih baik kepada penghidap

barah serta keluarga pesakit,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif hospital itu, Dr Ahmad Syukri berkata, pihaknya



*ORANG ramai menderma darah pada program pelancaran sistem radioterapi terkini untuk rawatan barah iaitu 'Elekta Versa HD Linear Accelerator' (Linac) di KPJ Damansara Specialist Hospital, baru-baru ini.*

berharap dapat memenuhi keperluan pesakit yang kian berubah dengan menawarkan sistem terapi barah terkini ini.

“Berpegang kepada

prinsip 'Care for Life', hospital bertekad untuk menjadi penyedia perkhidmatan kesihatan pilihan utama dengan membawakan teknologi

inovatif, pakar berpengalaman dan kakitangan terlatih.

“Ini bagi menyediakan pelan diagnosis dan rawatan yang menyokong

matlamat menjaga kesejahteraan masyarakat sepanjang hayat,” katanya.

Katanya, pelancaran sistem radioterapi terkini ini juga sempena ulang

tahun ke-25 penubuhan hospital berkenaan dan dalam tempoh itu menjadi penyedia perkhidmatan kesihatan swasta terkemuka.